

## **KEPERLUAN INTERVENSI KAUNSELING BERASASKAN PENDEKATAN TERAPI BERMAIN ADLERIAN TERHADAP KESEJAHTERAAN KENDIRI HOLISTIK KANAK-KANAK MANGSA PENGABAIAN: SATU KAJIAN KES**

*(The Needs of Counselling Intervention Based on Adlerian Play Therapy on The Holistic Wellness of Neglected Children: A Case Study)*

Linda Jamaludin, Ku Suhaila Ku Johari & Salleh Amat

### **ABSTRAK**

Pendekatan terapi bermain dalam intervensi kaunseling membantu kaunselor untuk berkomunikasi dengan klien yang sukar berkomunikasi secara lisan dalam sesi terutama klien kanak-kanak. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka pandangan kaunselor terhadap keperluan intervensi kaunseling berasaskan pendekatan terapi bermain dalam membantu kesejahteraan kendiri holistik kanak-kanak mangsa pengabaian. Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif kajian kes. Peserta Kajian terdiri daripada sepuluh orang kaunselor yang dipilih melalui pensampelan bertujuan. Kriteria pemilihan peserta kajian adalah (i) kaunselor yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun, (ii) pengamal kreatif kaunseling terapi bermain dan (iii) mempunyai *setting* untuk melaksanakan terapi bermain. Analisis tematik telah digunakan untuk mendapatkan data perbincangan. Teknik pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual mendalam secara separa berstruktur. Data yang diperoleh kemudian dianalisis kepada tema-tema menggunakan perisian *Atlas.ti*. Dapatan kajian mendapat terdapat keperluan intervensi kaunseling berasaskan pendekatan terapi bermain Adlerian. Pendekatan terapi bermain Adlerian membantu meningkatkan kesejahteraan holistik kanak-kanak mangsa pengabaian. Penggunaan alat-alat mainan sebagai medium komunikasi yang amat penting dalam sesi kaunseling bersama kanak-kanak. Selain itu, terdapat beberapa faktor lain yang penting bagi menentukan kejayaan intervensi adalah minat bertugas di setting kanak-kanak, memahami ciri-ciri psikologi kanak-kanak mangsa pengabaian dan kemahiran-kemahiran dalam melaksanakan terapi bermain. Dapatan kajian turut mencadangkan *kit* terapi bermain bagi kaunselor yang tidak mempunyai *setting* bilik terapi bermain yang mana kaunselor boleh membawa alat-alat mainan ke tempat intervensi. Dapatan ini dapat memberi cadangan kepada agensi yang menjalankan kaunseling terhadap kanak-kanak menggunakan pendekatan terapi bermain Adlerian dalam meningkatkan kesejahteraan kendiri holistik kanak-kanak mangsa pengabaian.

**Kata kunci:** intervensi kaunseling, terapi bermain Adlerian, kesejahteraan diri holistik, kaunselor pengamal terapi bermain, kanak-kanak mangsa pengabaian

## ABSTRACT

The play therapy approach used in counselling intervention helps the counsellor to communicate with a client who has difficulty in communicating verbally during sessions, especially child clients. The aim of this study was to explore the counsellor's views on the need for counselling intervention based on the play therapy approach to help the holistic wellness of neglected children. This study applied a qualitative case study design and the participants consisted of ten counsellors selected through the purposive sampling method. The criteria for selecting a participant were, i) counsellor who has been in practice for more than five years ii) counsellor who has been practices creative counselling play therapy, and iii) counsellor who has a setting for implementing play therapy. A thematic analysis was used to obtain discussion data, while the data collection technique involved the semi-structured in-depth interview method. Data were then analysed according to themes using the Atlas.ti software. The findings indicated that there was a need for counselling intervention based on the Adlerian play therapy approach, which helps to enhance the holistic wellness of neglected children. The use of toys as a medium of communication is very important in counselling sessions involving children. Besides that, there are several other important factors that determine the success of the intervention, such as interest in counselling children, understanding the psychological characteristics of neglected children and skills required for implementing play therapy. The findings also suggested a play therapy kit for counsellors who do not have a play therapy room setting whereby the counsellor can bring along these toys to the location for the intervention session. The findings suggested that agencies implementing child counselling should use Adlerian play therapy for enhancing the holistic wellness of neglected children.

**Keywords:** Counselling intervention, Adlerian play therapy, holistic self-wellbeing, play therapy counselling practitioners, neglected children

## PENDAHULUAN

Individu yang sejahtera adalah individu yang berpuas hati dengan kehidupan dan tiada perasaan negatif (Rohany Nasir & Fatimah Omar, 2006). Kesejahteraan holistik bagi kanak-kanak adalah menikmati keseronokan dan bahagia sepanjang zaman kanak-kanak mereka. Bermain adalah fitrah semula jadi kanak-kanak. Bermain adalah bahasa kanak-kanak manakala alat-alat mainan adalah perkataan kanak-kanak (Terry Kottman & Meany-Walen, 2016; Landreth, 2012). Melalui bermain kanak-kanak dapat mengekspresikan idea, pemikiran, emosi dan tingkah laku mereka. Kajian Hollingsworth, (2009) mendapati terdapat hubungan antara kesejahteraan holistik dengan pencapaian akademik. Kanak-kanak yang mempunyai kesejahteraan holistik yang baik mempunyai pencapaian akademik yang baik. Hollingsworth turut menyatakan bahawa kesejahteraan yang baik dapat mengurangkan masalah gejala sosial dalam kalangan kanak-kanak.

Myers & Sweeney, (2007, 2014) telah memperkenalkan satu model kesejahteraan holistik yang memberi sumbangan dalam bidang kaunseling. Kesejahteraan berdasarkan takrifan Myers & Sweeney bukan sahaja bebas daripada penyakit tetapi merangkumi aspek fizikal, mental dan spiritual. Myers & Sweeney telah memperkembangkan model tersebut kepada lima dimensi iaitu kendiri asas, kendiri fizikal, kendiri sosial, kendiri kreatif dan kendiri daya tindak. Kelima-lima

dimensi kesejahteraan diri holistik ini berinteraksi dengan persekitaran tempatan, institusi, global dan mengikut peredaran masa. Kesejahteraan holistik turut dinyatakan dalam Matlamat Pendidikan Negara iaitu memastikan kanak-kanak berkembang secara holistik dan positif dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Walau bagaimanapun masih terdapat kanak-kanak yang tidak sejahtera kerana telah menjadi mangsa pengabaian. Pengabaian kanak-kanak adalah merupakan kategori keganasan terhadap kanak-kanak sama seperti kanak-kanak mangsa penderaan fizikal dan seksual (Depanfilis, 2008; Jal Zabdi Mohd Yusof, 2010; Mohammad Ramzi Zakaria, 2015). Pengabaian terhadap kanak-kanak terdiri daripada pengabaian emosi, pendidikan, fizikal, perlindungan dan kesihatan (Allin, Wathen, & MacMillan, 2005; Goodvin, Johnson, Hardy, Graef, & Chamber, 2007; Jal Zabdi Mohd Yusof, 2010; Mohammad Ramzi Zakaria, 2015; Stoltenborgh, Bakermans-Kranenburg, & Van IJzendoorn, 2013). Kanak-kanak yang tinggal dalam persekitaran yang terdedah dengan keganasan seperti penyalahgunaan dadah dan keganasan rumah tangga juga termasuk kanak-kanak yang diabaikan (DePanfilies, 2006; Kantor et al., 2004). Ibu yang tidak mengawasi tingkah laku anak sehingga anak terlibat dalam tingkah laku negatif adalah termasuk dalam katogeri pengabaian kanak-kanak (Goodvin et al., 2007). Kanak-kanak yang diabaikan berisiko terdedah dengan tingkah laku seksual (Thompson et al., 2016). Kanak-kanak ini masih naif dan mudah dieksplorasi oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan bertujuan untuk mengambil keuntungan terhadap kanak-kanak.

Berikutan dengan itu, intervensi di peringkat awal kanak-kanak adalah amat penting kerana tanpa intervensi tingkah laku tersebut akan sebatی dalam diri kanak-kanak tersebut (Meany-Walen, Bratton, & Kottman, 2014). Tingkah laku tersebut akan dibawa masa remaja dan dewasa jika tiada intervensi dijalankan pada kanak-kanak tersebut. Oleh yang demikian, pengabaian terhadap kanak-kanak telah memberi kesan yang negatif terhadap kesejahteraan kendiri holistik kanak-kanak tersebut. Kaunseling adalah perkhidmatan penting dalam meningkatkan kesejahteraan kendiri holistik kanak-kanak. Namun begitu, kaunseling dengan orang dewasa dengan kanak-kanak adalah berbeza. Kanak-kanak sukar meluahkan masalahnya secara lisan dalam sesi kaunseling yang bersifat konvensional yang sesuai untuk kanak-kanak dewasa (Bryant-Davis et al., 2012). Kanak-kanak mempunyai limitasi dari aspek kognitif dan mengekspresikan bahasa emosi (Landreth, 2012; Meany-Walen & Kottman, 2016) ditambah pula dengan kanak-kanak yang mempunyai pengalaman traumatis (Homeyer & Sweeney, 2016; Rosanida Anang, 2012). Kanak-kanak ini mengalami kesukaran mengekspresikan emosi mereka secara lisan pengalaman traumatis yang mereka alami.

Pendekatan terapi bermain dalam sesi kaunseling dengan kanak-kanak adalah kerana menghormati dunia mereka serta tidak memaksa mereka berkomunikasi dalam dunia orang dewasa. Berikutan dengan itu, terapi bermain adalah merupakan satu pendekatan kaunseling terhadap kanak-kanak. Terapi bermain adalah merupakan pendekatan kaunseling kreatif (Gladding, 2016). Bermain mempunyai peranan terapeutik dapat membantu kaunselor berkomunikasi dengan kanak-kanak sebagai klien. Penggunaan modaliti seperti alat-alat mainan sebagai alat yang signifikan dalam sesi kaunseling bersama dengan kanak-kanak. Kanak-kanak bermain berdasarkan pengalaman dan perasaan mereka berlaku secara semula jadi dalam sesi.

Kajian telah menunjukkan bahawa keberkesanannya intervensi terapi bermain terhadap kanak-kanak mangsa pengabaian (Udwin, 1983). Kajian-kajian lepas turut membuktikan keberkesanannya terapi bermain sebagai intervensi terapeutik dalam sesi kaunseling (Blanco, Muro, & Stickley, 2014; Blanco, Ray, & Holliman, 2012; Lin & Bratton, 2015; Schottelkorb et al.,

2015; Stickley, Muro, & Blanco, 2013). Dalam konteks kajian ini, akan memberi fokus pada pendekatan terapi bermain berasaskan pendekatan kaunseling Adlerian. Setakat ini, tidak banyak kajian empirikal di luar negara berkaitan dengan pendekatan terapi bermain Adlerian dalam kaunseling (Terry Kottman & Meany-Walen, 2016) manakala di Malaysia pendekatan berasaskan terapi bermain masih baharu dan banyak ruang yang boleh diteroka. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini adalah bertujuan meneroka pandangan kaunselor pengamal terapi bermain tentang keperluan intervensi kaunseling berasaskan pendekatan terapi bermain Adlerian dalam meningkatkan kesejahteraan diri kanak-kanak.

## **SOROTAN KARYA**

Pendekatan Terapi Bermain Adlerian telah dipelopori oleh Terry Kottman pada tahun 1987. Sebahagian besar daripada konsep-konsep dalam pendekatan terapi bermain Adlerian adalah berasaskan Teori Psikologi Individu Adler. Alfred Adler (1830-1937) telah mempelopori teori Psikologi Individu Adler. Dalam teori ini, manusia termasuk kanak-kanak difahami sebagai makhluk yang holistik dan berada dalam konteks sosial. Beberapa konsep yang diperkenalkan oleh teori ini adalah seperti minat sosial, matlamat kesilapan tingkah laku kanak-kanak, konstelasi keluarga, kedudukan psikologi kelahiran adik beradik, kreativiti dan tanggungjawab. Konsep-konsep yang diperkenalkan oleh Adler adalah terlalu falsafah dan abstrak untuk difahami oleh kanak-kanak. Sementara itu, dalam teori tersebut tiada satu teknik yang khusus sebagai panduan pada kaunselor untuk menjalankan kaunseling terhadap kanak-kanak.

Oleh yang demikian, dalam merealisasikan konsep-konsep yang bersifat abstrak tersebut, Kottman telah memperkembangkan teori psikologi Individu Adler dengan memperkenalkan pendekatan terapi bermain Adlerian untuk diaplikasikan pada populasi kanak-kanak. Kottman turut memperkenalkan kategori alat-alat mainan dalam terapi bermain Adlerian. Kategori alat-alat mainan ini adalah berasaskan konsep-konsep yang ada dalam teori Psikologi Individu Adler. Terapi bermain Adlerian adalah merupakan pendekatan kaunseling pada kanak-kanak (T Kottman & Meany-Walen, 2016). Walau bagaimanapun, setakat ini tidak banyak kajian literatur mengenai keberkesanan terapi bermain Adlerian.

Di Malaysia, beberapa kajian yang berkaitan dengan kaunseling kreatif iaitu Rafidah Kastawi, (2013) telah menjalankan kajian keberkesanan terapi melukis terhadap pelajar pintar berbakat. Sementara itu Rosli Busu (2011) telah menjalankan keberkesanan terapi melukis dan Sandtray terhadap kanak-kanak mangsa perceraian manakala Ku Suhaila Ku Johari, Bruce, & Mohamad Isa Amat, 2014 menjalankan kajian keberkesanan latihan terapi bermain di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pandangan kaunselor pengamal terapi bermain tentang keperluan intervensi kaunseling berasaskan pendekatan terapi bermain Adlerian dalam meningkat kesejahteraan holistik kanak-kanak mangsa pengabaian. Kaedah kualitatif membantu penyelidik memperoleh maklumat secara mendalam terhadap suatu kes di mana membantu kefahaman penyelidik secara mendalam tentang konteks yang dibincangkan. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk kajian kes (Yin, 2014). Sementara itu, mengikut Yin,

sesuatu yang unik daripada pengalaman sebenar peserta kajian dapat dipelajari daripada daptan kajian kes.

Kajian ini dijalankan melalui kaedah temu bual mendalam secara bersemuka menggunakan pita rakaman audio dengan berpandukan protokol temu bual soalan separa struktur. Kaedah ini dipilih kerana reka bentuk ini dapat menghuraikan secara mendalam pengalaman pengamal kaunselor pengamal terapi bermain dalam menjalankan kaunseling terhadap kanak-kanak. Data-data temu bual dan pemerhatian di transkrip kepada teks untuk dianalisis (Miles, Huberman, & Saldana, 2014). Data-data ini dianalisis menggunakan tematik analisis. Temu bual dijalankan berulang kali sehingga tiada penemuan baharu dan data telah tpu (Fush & Ness, 2015).

Soalan-soalan dalam protokol temu bual lebih bersifat secara terbuka dan berlandaskan lima dimensi kesejahteraan kendiri iaitu kendiri asas, kendiri sosial, kendiri kreatif, kendiri daya tindak dan kendiri fizikal. Ini bertujuan untuk melihat gambaran secara jelas keseluruhan bagaimana pandangan kaunselor pengamal terapi bermain terhadap keperluan intervensi terapi bermain Adlerian dalam membantu kesejahteraan kendiri holistik kanak-kanak mangsa pengabaian.

Sesi temu bual daripada mula hingga akhir dirakamkan menggunakan alat perakam dengan keizinan peserta kajian. Melalui teknik temu bual, pandangan dan pengalaman kaunselor menjalankan terapi bermain diteroka secara mendalam. Dengan ini, penyelidik dapat memahami secara jelas pengalaman mereka menggunakan pendekatan terapi bermain dalam sesi kaunseling. Soalan utama yang ditanya adalah “Pengalaman anda mengaplikasikan Terapi Bermain dalam sesi kaunseling yang boleh anda kongsikan?” Soalan-soalan susulan ditanya berdasarkan jawapan peserta kajian. “Bagaimakah pandangan anda keperluan intervensi kaunseling berdasarkan pendekatan terapi bermain Adlerian untuk kanak-kanak mangsa pengabaian?”.

Maklumat yang diperoleh dianalisis berpandukan enam langkah (Creswell, 2012) iaitu pertama analisis data bermula selepas temu bual pertama diadakan yang mana pengkaji mengumpul dan menyusun data melalui transkripsi. Kedua, melibatkan penghasilan transkrip yang mana semua data termasuk temu bual dalam bentuk audio diterjemahkan dalam bentuk teks sebelum dianalisis. Ketiga ialah membaca transkrip secara keseluruhan untuk mendapatkan gambaran keseluruhan tentang idea dan pendapat peserta kajian. Langkah keempat ialah mengekodkan data. Pada tahap ini data dikodkan dan disusun untuk membentuk sub-tema dan tema. Pengkaji meneliti setiap transkrip peserta kajian untuk melihat kesamaan dan perbezaan setiap transkrip. Proses ini dijalankan berulang kali untuk mendapatkan tema-tema. Langkah kelima ialah menghubungkaitkan tema-tema yang dihasilkan untuk membentuk gambaran keseluruhan perkara yang dikaji. Langkah terakhir ialah menyediakan laporan kajian. Pengkaji melaporkan hasil kajian menggunakan kaedah induktif yang mana pengkaji membentangkan data kajian terlebih dahulu sebelum merumuskan hasil kajian. Manakala untuk kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif pengkaji telah melaksanakan *member check* iaitu data-data temu bual yang telah di transkrip diberi semula kepada peserta kajian untuk semakan semula. Pengkaji turut melaksanakan jejak Audit untuk kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif.

Kajian ini menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian (*non-probability sampling*) yang melibatkan sepuluh orang kaunselor pengamal terapi bermain yang dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan melalui teknik *snow ball sampling*. Strategi ini membantu penyelidik menemukan peserta kajian yang telah mempunyai rangkaian hubungan. Peserta kajian pertama mencadangkan beberapa orang peserta yang memenuhi kriteria serta berminat menjadi

peserta kajian. Kebaikan kaedah snowballing membantu penyelidik mendapatkan peserta kajian yang memenuhi kriteria dan boleh dipercayai. Kriteria peserta kajian terdiri daripada kaunselor (i) berpengalaman sebagai kaunselor lebih lima tahun (ii) mempunyai setting untuk menjalankan terapi bermain (iii) mempunyai pengalaman mengendalikan sesi kaunseling menggunakan pendekatan kaunseling kreatif dengan modaliti bermain. Setiap peserta kajian diminta untuk memberi pendapat berdasarkan 25 soalan. Temu bual berlangsung selama lebih satu jam. Di akhir temu bual, peserta kajian mencadangkan beberapa orang kaunselor yang memenuhi kriteria untuk terlibat dalam kajian ini. Proses temu bual berlangsung sehingga tiada tema-tema baharu muncul.

## **HASIL KAJIAN**

### *Demografi Kaunselor Pengamal Terapi Bermain*

Peserta kajian (Jadual 1) terdiri daripada 10 orang iaitu lapan orang perempuan dan dua orang lelaki. Mereka adalah kaunselor berdaftar iaitu dua orang pensyarah kaunseling daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT), seorang kaunselor daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), seorang kaunselor pengamal persendirian, seorang kaunselor sekolah dan lima orang kaunselor daripada agensi kerajaan. Semua orang kaunselor mempunyai pengalaman sebagai kaunselor lebih daripada lima tahun serta merupakan pengamal kaunseling kreatif melebihi lima tahun.

Analisis keperluan intervensi kaunseling berasaskan pendekatan terapi bermain Adlerian dalam membantu kesejahteraan holistik terbahagi kepada lapan tema utama yang tercenna daripada temu bual yang dilaksanakan. Tema-tema ini adalah selari dengan item-item dimensi kesejahteraan kendiri holistik (Myers & Sweeney 2014). Kajian ini memberi sumbangan terhadap keperluan intervensi kaunseling berasaskan pendekatan terapi bermain Adlerian khusus untuk membantu meningkatkan kesejahteraan kendiri holistik kanak-kanak mangsa pengabaian.

Jadual 1: Demografi Kaunselor Pengamal Terapi Bermain

<b>Peserta Kajian</b>	<b>Jantina</b>	<b>Pengalaman Sebagai Kaunselor</b>	<b>Pengalaman Dalam Terapi Bermain</b>	<b>Kelayakan Akademik</b>	<b>Tempat Bertugas</b>
TB1	Perempuan	35 tahun	15 tahun	PhD	IPT
TB2	Perempuan	9 tahun	9 tahun	PhD	IPT
TB3	Perempuan	15 tahun	8 tahun	PhD	Kaunselor Persendirian
TB4	Lelaki	17 tahun	6 tahun	Sarjana	Kaunselor Agensi Kerajaan
TB5	Lelaki	7 tahun	5 tahun	Sarjana Muda	Kaunselor Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
TB6	Perempuan	9 tahun	9 tahun	Sarjana Muda	Kaunselor Agensi Kerajaan
TB7	Perempuan	15 tahun	5 tahun	Sarjana Muda	Kaunselor Agensi Kerajaan
TB8	Perempuan	12 tahun	11 tahun	Sarjana	Kaunselor Agensi Kerajaan

TB9	Perempuan	13 tahun	6 tahun	Sarjana	Kaunselor Agensi Kerajaan
TB10	Perempuan	10 tahun	5 tahun	Sarjana	Kaunselor Sekolah

Sumber: Kerja Lapangan (2017)

**Tema 1: Persepsi Kaunselor Terhadap Intervensi Kaunseling Berasaskan Pendekatan Terapi Bermain Adlerian Terhadap Kanak-Kanak Mangsa Pengabaian**

Tema utama adalah kesesuaian melaksanakan intervensi kaunseling berdasarkan pendekatan terapi bermain terhadap kanak-kanak mangsa pengabaian. Sub tema bagi tema utama adalah (i) pendekatan terapi bermain sesuai dijalankan dalam sesi kaunseling terhadap kanak-kanak (ii) pendekatan yang berstruktur memberi panduan pada kaunselor melaksanakan pendekatan ini dengan lebih sistematik dan teratur (iii) memberi fokus pada aspek kekeluargaan (iv) berfungsi mendidik kanak-kanak (v) Penggunaan alat-alat mainan sebagai medium komunikasi yang amat penting dalam sesi kaunseling bersama kanak-kanak.

Terapi bermain merupakan pendekatan kaunseling terhadap kanak-kanak. Komunikasi dalam sesi kaunseling lebih berkesan dengan kanak-kanak dalam keadaan semula jadi kanak-kanak. Terapi bermain membantu kaunselor dalam menjalankan sesi kaunseling bersama dengan kanak-kanak. Kanak-kanak mempunyai masalah untuk meluahkan masalahnya secara lisan kerana disebabkan oleh keadaan semula jadi kanak-kanak yang mempunyai limitasi-limitasi tertentu dari aspek perkembangan kognitif, meluahkan emosi dan pengalaman traumatis yang dialami.

Tema	Sub Tema	Peserta Kajian	Pernyataan Temu bual
Persepsi Kaunselor Intervensi Kaunseling berdasarkan Pendekatan Terapi Bermain terhadap Kanak-Kanak Mangsa Pengabaian	Pendekatan terapi bermain sesuai dijalankan dalam sesi kaunseling terhadap kanak-kanak	Informan 1	“...sebelum ini dalam sesi kaunseling saya menjalankan talk therapy dan ...saya rasa tidak berkesan pada kanak-kanak...saya pergi ke kursus-kursus terapi bermain, bila saya balik daripada kursus saya apply pada klien saya dan saya nampak hasil.”
		Informan 10	“...kaunseling mensejahtera klien kita, bila kita melayani klien kita sesuaikan dengan perkembangan mereka.”
		Informan 2	“...sifat semula jadi kanak-kanak adalah bermain. Jadi terapi bermain sesuai diaplikasikan dalam kaunseling terhadap kanak-kanak.”
		Informan 1	“....terapi bermain bantu saya bina hubungan terapeutik dalam sesi”
		Informan 3	“...bila kita gunakan terapi bermain dalam sesi...kanak-kanak rasa selamat”

Terapi bermain Adlerian adalah merupakan pendekatan berbentuk direktif. Di awal sesi adalah bersifat non direktif bertujuan untuk membina hubungan dan sesi-sesi seterusnya adalah bersifat direktif.

Tema	Sub Tema	Peserta Kajian	Pernyataan Temu bual
Persepsi Kaunselor Intervensi Kaunseling berasaskan terapi bermain Adlerian	Pendekatan berstruktur lebih sistematis dan teratur.	Informan 5	“... saya nampak di Malaysia kanak-kanak masih lebih selesa dengan pendekatan direktif kerana kanak-kanak lebih mudah menerima sesuatu yang berbentuk tugas”.
		Informan 4	“...pendekatan direktif memudahkan untuk mencapai objektif yang ditetapkan dalam sesi...terdapat intervensi yang memerlukan tindakan segera misalnya kes-kes mahkamah”.
		Informan 2	“....pendekatan direktif memudahkan untuk mencapai objektif yang ditetapkan dalam sesi...terdapat intervensi yang memerlukan tindakan segera misalnya kes-kes mahkamah”.
		Informan 10	“....terapi yang berstruktur membantu saya sebagai kaunselor kat sekolah menjalankan sesi lebih sistematik dan teratur”.
		Informan 3	“....saya memang suka yang berstruktur memudahkan saya melaksanakan treatment pelan dengan berkesan”

Terapi bermain Adlerian menekankan konteks sosial keluarga. Konteks sosial pertama bagi kanak-kanak adalah keluarga. Pembentukan personaliti kanak-kanak bermula daripada gaya hidup di rumah. Gaya hidup dalam keluarga membentuk private logik kanak-kanak dari aspek kepercayaan, tingkah laku, sikap dan emosi.

Tema	Sub Tema	Peserta Kajian	Pernyataan Temu bual
Persepsi Kaunselor Intervensi Kaunseling berasaskan terapi bermain Adlerian.	Fokus pada aspek. Kekeluargaan.	Informan 6 Informan 8 Informan 7	“...sangat sesuai dengan kanak-kanak pengabaian kerana mereka merindui keluarga mereka” “...semua bermula dari rumah” “sesuai mereka masih attachment dengan keluarga mereka walaupun terpisah”

Terapi bermain Adlerian menekankan aspek mendidik. Kaunselor membimbing kanak-kanak dengan kemahiran yang baharu tentang pemikiran, emosi, sikap dan tingkah laku baharu

Tema	Sub Tema	Peserta Kajian	Pernyataan Temu bual
Persepsi Kaunselor Intervensi Kaunseling berasaskan terapi bermain Adlerian.	Mendidik	Informan 1	“...saya nampak elemen mendidik dalam terapi ini sangat sesuai dengan kanak-kanak mangsa pengabaian kerana mereka hilang role model ibu bapa mereka”

Penggunaan alat-alat mainan sebagai medium komunikasi yang amat penting dalam sesi kaunseling berasaskan terapi bermain. Alat-alat mainan dalam pendekatan terapi bermain Adlerian berasaskan konsep-konsep yang ada dalam teori kaunseling Adlerian.

Tema	Sub Tema	Peserta Kajian	Pernyataan Temu bual
Persepsi Intervensi berdasarkan terapi bermain Adlerian	Kaunselor Kaunseling komunikasi.	Informan 4	“kanak-kanak bila dah nampak mainan memang cepat dapat ekspresikan masalah mereka....”

**Tema 2: Pendekatan terapi bermain Adlerian membantu kendiri asas kanak-kanak**

Kendiri asas merupakan salah satu dimensi dalam kendiri holistik. Pendekatan terapi bermain Adlerian membantu kanak-kanak mangsa pengabaian meneroka identiti diri, gender, spiritualiti, budaya, gender dan penjagaan diri yang merupakan sub tema bagi kendiri asas. Alat-alat mainan sebagai medium untuk kanak-kanak berkongsi masalah yang dialami.

Sub Tema	Sub Tema	Peserta Kajian	Pernyataan Temu bual
Kendiri Asas	Identiti diri.	Informan 2	“...Dari situ saya dah minta kanak-kanak itu kongsikan identiti diri mereka. Saya minta memilih alat-alat mainan yang menggambarkan identiti mereka dengan menggunakan alat-alat mainan”.
	Gender.	Informan 1	“kita perlu sediakan alat-alat mainan yang menggambarkan tentang gender lelaki dan perempuan untuk mudah kanak-kanak meneroka...”.
	Budaya.	Informan 4	“....bila nak meneroka aspek budaya kita kena ada alat-alat mainan yang menggambarkan budaya...”.
	Penjagaan diri.	Informan 3	“.....sediakan alat-alat mainan atau cari gambar-gambar yang menggambarkan penjagaan diri seperti mandi, makan, bangun tidur dan sebagainya..”
	Spiritualiti.	Informan 10	“....yang penting sediakan alat-alat mainan kalau macam agama perlu ada alat-alat mainan seperti masjid, gereja, kuil atau gambar-gambar tentang orang sedang sembahyang....”

**Tema 3: Pendekatan terapi bermain dapat membantu dari aspek kendiri sosial**

Kasih sayang dan persahabatan merupakan dimensi-dimensi yang amat penting untuk mencapai kesejahteraan kendiri holistik kanak-kanak. Pendekatan terapi bermain dapat membantu kanak-kanak meluahkan perasaan kasih sayang keluarga dan persahabatan.

Tema	Sub Tema	Peserta Kajian	Pernyataan Temu bual
Kendiri Sosial	Kasih sayang.	Informan 3	“.....pengalaman saya kanak-kanak yang diabaikan atau kanak-kanak dari keluarga bermasalah mempunyai kesukaran nak luahkan perasaan emosi mereka....mereka dapat mengekspresikan perasaan kasih sayang yang mana sebelum ini mereka hadapi kesukaran..Kita kena sediakan alat-alat mainan yang menggambarkan keluarga”.
	Persahabatan.	Informan 4	“....kalau persahabatan saya cadangkan buat dalam bentuk kelompok...kita akan dapat memerhati tingkah laku kanak-kanak ketika bermain”.

#### *Tema 4: Pendekatan terapi bermain Adlerian terhadap kendiri kreatif kanak-kanak*

Terapi bermain dapat membantu membina kreativiti kanak-kanak. Kanak-kanak dapat mengekspresikan idea mereka secara kreatif melalui terapi bermain.

Tema	Sub Tema	Peserta Kajian	Pernyataan Temu bual
Kendiri Kreatif	Kreativiti.	Informan 4	“....saya percaya play therapy dapat membantu anak-anak lebih kreatif....selalu saya akan beri tugas pada kanak-kanak contohnya ciptakan masa hadapan. Saya nampak kanak-kanak sangat kreatif..”.

#### *Tema 5: Pendekatan terapi bermain Adlerian terhadap kendiri fizikal kanak-kanak*

Pendekatan terapi bermain dapat membantu kanak-kanak memahami kepentingan menjaga aspek fizikal mereka seperti pemakanan dan jasmani.

Tema	Sub Tema	Peserta Kajian	Pernyataan Temu bual
Kendiri Kreatif	Kreativiti.	Informan 2	“.....kita akan sediakan alat-alat mainan yang menggambarkan aspek pemakanan...supaya kanak-kanak merasa suasana sedang makan...kanak-kanak suka main masak-masak. Dari situ kita educate mereka”.
		Informan 5	“....kalau dari segi jasmani pula, saya sediakan alat-alat mainan yang menggambarkan aktiviti sukan...seperti main badminton, jogging, swimming dan sebagainya...”.

#### *Tema 6: Pendekatan terapi bermain Adlerian terhadap aspek daya tindak kanak-kanak*

Daya tindak adalah merupakan aspek penting pada kanak-kanak. Melalui terapi bermain, kanak-kanak belajar kemahiran daya tindak.

Tema	Sub Tema	Peserta Kajian	Pernyataan Temu bual
Kendiri Daya Tindak	Pengurusan stres.	Informan 7	“.....saya juga bimbing kanak-kanak belajar kemahiran coping skill seperti pengurusan stres, bagaimana menerima realiti dan sebagainya”.

*Tema 7: Cabaran dalam mengaplikasikan pendekatan terapi bermain Adlerian*

Cabaran yang dihadapi dalam menggunakan pendekatan ini adalah untuk menyediakan sebuah bilik terapi bermain yang ideal mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam panduan menyediakan bilik terapi bermain (T Kottman & Meany-Walen, 2016; Landreth, 2012). Tidak semua setting mempunyai ruang untuk menyediakan bilik terapi bermain yang ideal. Cabaran seterusnya adalah mempunyai sijil kelayakan dalam bidang terapi bermain. Kaunselor perlu menghadiri bengkel dan kursus dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sebagai pengamal terapi bermain.

Tema	Sub Tema	Peserta Kajian	Pernyataan Temu bual
Cabaran	Tiada bilik terapi bermain.	Informan 7	“.....perlu ada ruang yang ideal untuk melaksanakan terapi bermain agar klien kanak-kanak merasa selesa....”.
	Ruang .	Informan 8	“.....Alhamdulillah saya ada ruang yang sedikit untuk saya sediakan bilik terapi bermain ...”.
		Informan 10	“.....saya ubah suai bilik saya jadi bilik terapi bermain....saya tidak ada ruangan khas untuk bilik terapi bermain...”.
	Latihan terapi bermain.	Informan 3	“....kaunselor perlu melengkapkan diri dengan sijil pengamal terapi bermain dan ini sudah tentu melibatkan kos yang tinggi...”.
	Ilmu pengetahuan tentang perkembangan kanak-kanak.	Informan 2	“bila nak buat intervensi dengan kanak-kanak perlu belajar psikologi kanak-kanak...sebagai asas penting deal dengan kanak-kanak”.
	Minat bekerja dalam setting kanak-kanak	Informan 5	“....ini adalah sangat penting kalau nak menjalankan sesi kaunseling dengan kanak-kanak mesti minat bekerja dalam setting kanak-kanak...tak semua boleh ada orang ada ilmu dan kemahiran tetapi tidak minat menjalankan sesi kaunseling dengan kanak-kanak.. mereka sangat polos dia boleh rasa kita ikhlas terima dia atau tidak....”

*Tema 8: Cadangan Mengatasi*

Peserta Kajian mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa terapi bermain mempunyai masa hadapan yang cerah.

Tema	Sub Tema	Peserta Kajian	Pernyataan Temu bual
Cadangan	Kit terapi bermain.	Informan 8	“..walaupun tidak ada bilik terapi bermain, kaunselor boleh membawa alat-alat mainan dalam bentuk kit untuk dibawa ke tempat sesi untuk menjalankan sesi...kat sini apa yang penting adalah menjaga kerahsiaan klien”.

## **PERBINCANGAN**

Kaunseling adalah perkhidmatan yang profesional yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan klien. Berhadapan dengan klien yang sukar berbincang secara lisan seperti kanak-kanak, pendekatan terapi bermain merupakan suatu pendekatan yang berkesan dapat membantu meningkatkan kesejahteraan kendiri holistik kanak-kanak. Keperluan alat-alat mainan adalah penting dalam sesi terapi bermain kerana dapat membantu kanak meluahkan emosi dan pengalamannya dalam keadaan yang semula jadi mereka (Mountain & Mountain, 2016). Kaunselor meneroka dan memahami masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak dalam keadaan semula jadi dan kanak-kanak merasa selamat dan selesa serta selamat dalam persekitaran semula jadi mereka. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat keperluan intervensi kaunseling berasaskan pendekatan terapi bermain Adlerian. Kajian-kajian lepas telah membuktikan secara empirikal bahawa pendekatan terapi bermain merupakan intervensi berkesan pada klien kanak-kanak. Pendekatan terapi bermain merupakan intervensi yang berkesan terhadap kanak-kanak mangsa pengabaian. Kajian sistematik review yang dijalankan oleh Allin, Wathen, & MacMillan, (2005) mendapati terapi bermain merupakan intervensi yang paling berkesan berbanding dengan intervensi-intervensi lain terhadap kanak-kanak mangsa pengabaian. Dapatkan ini selari dengan kajian Wittenborn, Faber, Harvey, & Thomas, (2006) iaitu pendekatan terapi bermain dapat membantu aspek kesihatan mental kanak-kanak. Manakala kajian Meany-Walen & Teeling, (2016) iaitu terapi bermain membantu memulihkan hubungan interpersonal kanak-kanak dengan orang lain dan meningkatkan penghargaan kendiri kanak-kanak (Homeyer & Morrison, 2008; Meany-walen, Bratton, & Kottman, 2015; Meany-Walen & Teeling, 2016; Rubin, 2007). Alat-alat mainan turut membantu kanak-kanak dari aspek kreatif dan bijak menyelesaikan masalah dan bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan (T Kottman & Meany-Walen, 2016; Landreth, 2012).

Kajian Meany-Walen, Bratton, & Kottman pada tahun 2014 telah membuktikan secara empirikal bahawa pendekatan terapi bermain Adlerian telah dapat mengurangkan kanak-kanak bermasalah tingkah laku dalam bilik darjah. Kajian tersebut turut menunjukkan bahawa pendekatan terapi bermain Adlerian telah dapat meningkatkan hubungan guru dengan murid serta mengurangkan tahap stres dalam kalangan guru. Kajian (Meany-walen, Bratton, & Kottman, 2015; Meany-Walen, Bratton, & Kottman, 2014a) Meany-Walen & Teeling, (2016) telah dapat membuktikan keberkesanan pendekatan terapi bermain Adlerian dalam meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak. Begitu juga dengan kajian Mountain and Mountain (2016) telah melaksanakan kajian menggunakan terapi bermain untuk memahami aspek spiritualiti kanak-kanak. Kajian tersebut menunjukkan bahawa terapi bermain membantu aspek spiritualiti kanak-kanak. Selain itu, kajian tersebut mencadangkan agar kaunselor membina hubungan terapeutik dengan kanak-kanak bagi menerapkan elemen nilai pada diri kanak-kanak. Di Malaysia kajian Noor Suhadah Aziz, Ku Suhaila Ku Johari, & Hajijah Maulad Abdul Rashid, (2016) telah melaksanakan kajian kualitatif terhadap pendekatan terapi bermain dalam Islam. Kajian tersebut turut menitikberatkan kualiti peribadi kaunselor dan kemahiran dalam melaksanakan terapi bermain. Agama Islam mengakui bermain adalah fitrah kanak-kanak. Oleh itu, sifat-sifat seperti menghormati klien, menerima klien tanpa syarat, empati dan kongruen merupakan syarat-syarat penting dalam melaksanakan terapi bermain.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, pendekatan terapi bermain Adlerian membantu meningkatkan kesejahteraan holistik kanak-kanak mangsa pengabaian. Penggunaan alat-alat mainan sebagai medium komunikasi yang amat penting dalam sesi kaunseling bersama kanak-kanak. Selain itu, terdapat beberapa faktor lain yang penting bagi menentukan kejayaan intervensi adalah minat bertugas di setting kanak-kanak, memahami ciri-ciri psikologi kanak-kanak mangsa pengabaian dan kemahiran-kemahiran dalam melaksanakan terapi bermain. Pendekatan terapi bermain perlu diperluaskan dan menjadi salah satu bidang keperluan kaunseling terhadap kanak-kanak di Malaysia. Pendekatan ini dapat membantu kaunselor meneroka, memahami dan mengendalikan masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak. Dapatkan kajian seterusnya adalah keberkesanannya intervensi ini di Malaysia. Dapatkan ini dapat membantu agensi yang menjalankan kaunseling terhadap kanak-kanak menggunakan pendekatan terapi bermain dalam penyampaian perkhidmatan terhadap kumpulan sasar.

## **RUJUKAN**

- Allin, H., Wathen, C. N., & MacMillan, H. (2005). Treatment of child neglect: A systematic review. *The Canadian Journal of Psychiatry*, 50(8), 497–504. <https://doi.org/10.1177/070674370505000810>
- Blanco, P. J., Muro, J. H., & Stickley, V. K. (2014). Understanding the concept of genuineness in play therapy: Implications for the supervision and teaching of beginning play therapists. *International Journal of Play Therapy*, 23(1), 44–54. <https://doi.org/10.1037/a0035478>
- Blanco, P. J., Ray, D. C., & Holliman, R. (2012). Long-term child centered play therapy and academic achievement of children: A follow-up study. *International Journal of Play Therapy*, 21(1), 1–13. <https://doi.org/10.1037/a0026932>
- Bryant-Davis, T., Ellis, M. U., Burke-Maynard, E., Moon, N., Counts, P. A., & Anderson, G. (2012). Religiosity, spirituality and trauma recovery in the lives of children and adolescents. *Profesional Psychology, Research and Practice*, 43(4), 306–314.
- Creswell, J. w. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th ed.). Pearson Education Inc, New Jersey USA.
- DePanfilis, D. (2006). Child Neglect : A Guide for Prevention, Asses s ment and Intervention. *U.S. Departament of Health and Human Services*.
- Depanfilis, D. (2008). Using Prevention Science to Reduce the Risk of Child Neglect Acknowledgements \*.
- Gladding, S. T. (2016). *The Creative Arts in Counseling* (fourth). Stevenson Avenue, VA: American Counseling Association.
- Goodvin, R., Johnson, D. R., Hardy, S. A., Graef, M. I., & Chamber, J. M. (2007). Development and confirmatory Factor Analysis of the Community Norms of Child Neglect Scale. *Journal of Child Maltreatment*, 12(1), 68–85.
- Homeyer, L. E., & Morrison, M. O. (2008). Play Therapy: Practice , Issues , and Trends. *American Journal of Play*, (Fall), 210228-.
- Homeyer, L. E., & Sweeney, D. S. (2016). *Sandtray Therapy*. New York: Taylor & Francis Group.

- Jal Zabdi Mohd Yusof. (2010). *Jenayah Penderaan Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kantor, G. K., Holt, M. K., Mebert, C. J., Straus, M. A., Drach, K. M., Ricci, L. R., ... Brown, W. (2004). Development and preliminary psychometric properties of the multidimensional neglectful behavior scale-child report. *Child Maltreatment*, 9(4), 409–428. Retrieved from <http://cmx.sagepub.com/content/9/4/409.short>
- Kottman, T., & Meany-Walen, K. (2016). *Partners in Play: An Adlerian Approach to Play Therapy* (Third Edit). American Counseling Association, Alexandria, United States of America.
- Kottman, T., & Meany-Walen, K. (2016). *Partners In Play*. Stevenson Avenue, VA: American Counseling Association.
- Ku Suhaila Ku Johari, Bruce, M. A., & Mohamad Isa Amat. (2014). The effectiveness of child-centered play therapy training in Malaysia. *Asian Social Science*, 10(7), 221–233. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n7p221>
- Landreth, G. L. (2012). *Play Therapy: The Art of The Realtionship* (3rd ed.). New York, London: Taylor & Francis Group.
- Lin, Y.-W., & Bratton, S. C. (2015). A meta-analytic review of child-centered play therapy approaches. *Journal of Counseling & Development*, 93, 45–58. <https://doi.org/10.1002/j.1556-6676.2015.00180.x>
- Meany-walen, K. K., Bratton, S. C., & Kottman, T. (2015). Effects of Adlerian Play Therapy on Children ' s Externalizing Behavior Effects of Adlerian Play Therapy on Reducing Students ' Disruptive Behaviors, (February 2016). <https://doi.org/10.1002/jcad.12040>
- Meany-Walen, K. K., Bratton, S. C., & Kottman, T. (2014). Effects of Adlerian play therapy on reducing students' disruptive behaviors. *Journal of Counseling & Development*, 92, 47–56. <https://doi.org/10.1002/jcad.12040>
- Meany-Walen, K. K., & Kottman, T. (2016). Adlerian play therapy for children with externalizing behaviors. In *Play therapy in middle childhood*. (pp. 171–191). <https://doi.org/10.1037/14776-010>
- Meany-Walen, K. K., & Teeling, S. (2016). Adlerian play therapy with students with externalizing behaviors and poor social skills. *International Journal of Play Therapy*, 25(2), 64–77.
- Miles, M. B., Huberman, M., & Saldana, J. (2014). *Qualitative Data Analysis: A Methods Sourcebook* (4th ed.). Los Angeles, United States of America: Sage Publications.
- Mohammad Ramzi Zakaria. (2015). Kecuaian dan pengabaian kanak-kanak oleh ibu bapa : Kedudukannya di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan prinsip Syariah. *JUMM*, 19, 37–50.
- Mountain, V., & Mountain, V. (2016). Play Therapy: respecting the spirit of the child. *International Journal of Children's Spirituality*, (October), 1–11. <https://doi.org/10.1080/1364436X.2016.1228616>
- Myers, J. E., & Sweeney, T. J. (2007). Wellness in counseling: An overview, 1–16.
- Myers, J. E., & Sweeney, T. J. (2014). *Five Factor Wellness Inventory ( FFWEL ) 2 nd Edition Manual* (2nd ed.). Mind Garden, Inc.
- Rafidah Kastawi. (2013). *Pembinaan modul terapi seni (motes) dan penggunaannya dalam proses kaunseling remaja pintar dan berbakat*. Ph.D. Thesis, Faculty Education, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rohany Nasir, & Fatimah Omar. (2006). *Kesejahteraan Manusia: Perspektif Psikologi*. (Rohany Nasir & Fatimah Omar, Eds.). Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosanida Anang. (2012). *Sимтом trauma, pengluahan dan sokongan sosial mengsa kanak-kanak penderaan seksual*. Ph.D.Thesis, Faculty Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosli Busu. (2011). *Kesan terapi bermain pasir dan melukis terhadap kerisauan dan estim kendiri murid*. Ph.D. Thesis, Faculty of Education, Universiti Sains Malaysia.
- Rubin, L. C. (2007). *Using superheroes in counseling and play therapy*. Retrieved from <http://www.loc.gov/catdir/toc/ecip0620/2006026582.html>
- Stoltenborgh, M., Bakermans-Kranenburg, M. J., & Van IJzendoorn, M. H. (2013). The neglect of child neglect: A meta-analytic review of the prevalence of neglect. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology*, 48(3), 345–355. <https://doi.org/10.1007/s00127-012-0549-y>
- Thompson, R., Lewis, T., Neilson, E. C., English, D. J., Litrownik, A. J., Margolis, B., ... Dubowitz, H. (2016). Child maltreatment and risky sexual behavior: Indirect effects through trauma symptoms and substance use. *Child Maltreatment*, 1–11. <https://doi.org/10.1177/1077559516674595>
- Udwin, O. (1983). Imaginative play training as an intervention method with institutionalised preschool children. *British Journal of Educational Psychology*, 53(1), 32–39. <https://doi.org/10.1111/j.2044-8279.1983.tb02533.x>
- Wittenborn, A. K., Faber, A. J., Harvey, A. M., & Thomas, V. K. (2006). Emotionally Focused Family Therapy and Play Therapy Techniques. *The American Journal of Family Therapy*, 34, 333–342. <https://doi.org/10.1080/01926180600553472>
- Yin, R. K. (2014). *Case Study Research : Design and Methods* (5th ed.). California: Sage Publications, Inc.

**Linda Jamaludin,**

Calon Doktor Falsafah di Fakulti Pendidikan,

Universiti Kebangsaan Malaysia.

[lindajamaludin21@gmail.com](mailto:lindajamaludin21@gmail.com)

**Ku Suhaila Ku Johari (PhD),**

Pensyarah Kanan di Pusat Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti

Fakulti Pendidikan,

Universiti Kebangsaan Malaysia.

[suhaila@ukm.edu.my](mailto:suhaila@ukm.edu.my)

**Salleh Amat (PhD)**

Pensyarah Kanan di Pusat Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti,

Fakulti Pendidikan,

Universiti Kebangsaan Malaysia.

[sallehamat@gmail.com](mailto:sallehamat@gmail.com)